



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI KHAMIS, 03HB., RAMADHAN 1445 / 14HB., MAC 2024
(HARI KEDUA BELAS)**

1. Do'a Selamat

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. JABATAN PERDANA MENTERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 2.1.3. Memandangkan Jabatan Perdana Menteri mempunyai 21 buah jabatan-jabatan di bawahnya, perbahasan dibahagikan kepada tiga (3) bahagian. Manakala, Tajuk SA04A hingga Tajuk SA06A , Tajuk SA12A dan Tajuk SA25A iaitu, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan tidak sesuai untuk dibincangkan secara terbuka.
- 2.1.4. Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A telah dibukakan untuk dibahaskan, dan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pendapat dan persoalan yang kemudian direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
 - Memohon pencerahan berkenaan kadar pengangguran 5.2% pada 2022 sama ada peratus tersebut merangkumi individu yang sedang bekerja tetapi *pay scale* yang diterima tidak berdasarkan pencapaian pendidikan masing-masing dan individu yang bekerja sementara tetapi berpotensi untuk menganggur semula; dan
 - Ingin mengetahui strategi dan langkah yang akan diambil oleh pihak *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) setelah kontrak sementara tersebut berakhir untuk memastikan individu-individu berkenaan tidak perlu berbalik kepada pengangguran, dan apakah yang dapat ditawarkan supaya mereka tetap berada di dunia pekerjaan.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
 - Mencadangkan agar satu kajian khusus diwujudkan bagi mengetahui kedudukan semasa taraf hidup rakyat Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan peratus berdasarkan pendapatan setiap isi rumah mengikut kategori; dan
 - Ingin mengetahui jika pernah dikemaskinikan status taraf hidup berdasarkan pendapatan dan kategori iaitu fakir miskin, miskin, sederhana dan kaya.
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
 - Memohon pencerahan Jabatan Perdana Menteri setakat mana transformasi dan permodenan dilaksanakan selaras dengan rangka kerja perkhidmatan awam;

- Ingin mengetahui kesinambungan kepada rangka kerja perkhidmatan awam untuk menyelaraskan dan sejajar dengan keadaan dan tren pada masa ini dan pada masa akan datang;
- Menyoalkan jika pihak Jabatan Perdana Menteri sudah membuat kajian menyeluruh mengenai tahap produktiviti kerja perkhidmatan awam;
- Memohon pencerahan Jabatan Perdana Menteri apakah langkah-langkah atau pelan tindakan untuk meningkatkan tahap pembangunan produktiviti khususnya di jabatan-jabatan kerajaan;
- Memohon pencerahan mengenai setakat mana Jabatan Perdana Menteri selaku *lead agency* mempergiatkan usaha menyelaraskan dan mensejajarkan dasar-dasar kerajaan untuk memastikan semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan mendukung dan melaksanakan tugas di bidang kuasa masing-masing untuk sama-sama merealisasikan atau menjayakan sesuatu dasar yang lebih berkesan dan mendatangkan impak yang ketara serta efektif bagi mencapai sasaran yang dihasratkan;
- Memohon penjelasan adakah Jawatankuasa Audit masih diwujudkan serta apakah fungsi dan peranannya; dan apakah keberkesanan peranan dan fungsi Jawatankuasa Audit ini dalam memastikan keseluruhan agensi-agensi kerajaan mematuhi peraturan-peraturan kewangan dalam memperkasakan urusan tadbir dan pengurusan hal ehwal kewangan;
- Memohon pencerahan sejauh mana pemberitaan dan penyebaran tentang kefahaman pengurusan hal ehwal kewangan dan perkara yang berkaitan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan termasuk di peringkat eksekutif dan *management* bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan, penyelewengan dan kegiatan yang tidak diingini;

- Mencadangkan supaya memperbanyakkan buku-buku rujukan atau penulisan yang lengkap dan komprehensif mengenai Adat Istiadat Brunei Darussalam yang dapat dijadikan rujukan agar adat istiadat negara sentiasa terjaga dan terpelihara; dan
- Mencadangkan untuk mempertingkatkan jumlah taklimat mengenai pengetahuan adat istiadat dan untuk disebarluaskan kepada sektor swasta dan pemimpin akar umbi dan lapisan rakyat.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;

- Memohon pencerahan tentang penilaian (*assessment*) Jabatan Perdana Menteri mengenai pencapaian dan tahap negara dalam memenuhi dan menepati sasaran Wawasan Brunei 2035 setakat ini jika dibandingkan dengan *glidepath* langkah-langkah yang telah diusahakan oleh negara;
- Memohon pencerahan mengenai bentuk penilaian (*assessment*) yang telah dilaksanakan untuk menyukat pencapaian terutamanya impak sebenar *on the ground* dan sama ada impak penilaian tersebut dinilai oleh pihak ketiga;
- Memohon pencerahan mengenai *way forward* dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang berkepentingan dalam menangani isu 3P: Pekerjaan, Pengangguran dan Pembasmian Kemiskinan secara holistik dan berpendapat bahawa isu ini adalah merupakan '*cross-cutting issue*' yang memerlukan '*concerted, integrated and coordinated efforts*' serta pensejajaran tindakan dari semua pihak yang terlibat;
- Memohon pencerahan jika terdapat perancangan Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti semula *Civil Service Framework* yang ada pada ketika ini untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa terutamanya penyelarasan dengan transformasi digital negara ke arah pencapaian *Connected Smart Nation* dan

menjadikan ekosistem bisnes di negara ini lebih kondusif;

- Memohon pencerahan mengenai usaha strategik Jabatan Perdana Menteri dalam mengenal pasti pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi sebagai *future leaders* yang bukan sahaja telah teruji kewibawaan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing, malahan mempunyai integriti, kredibiliti dan disiplin yang tinggi serta berkekeluargaan, *hardworking* dan berfikiran strategik dan berkebolehan untuk memahami isu *on the ground*;
 - Memohon pencerahan adakah kemungkinan sebahagian pencari-pencari pekerjaan tidak terliputi (*outside the radar*) dan tidak dikongsi sama ataupun *dicapture* oleh *JobCentre Brunei* (JCB); dan
 - Ingin mengetahui usaha-usaha Kerajaan untuk memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan baru dan berkualiti di semua sektor awam, swasta, *GLCs* dan *FDIs* terutamanya di peringkat HND dan pemegang ijazah.
- v. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
- Menyoal berkenaan dengan pencapaian *Brunei Darussalam National Climate Change Policy* (BNCCP) sama ada sasaran bagi strategi 1 dalam mencapai sifar pembakaran rutin menjelang tahun 2035 dan strategi 4 iaitu mencapai sekurang-kurangnya 30% campuran tenaga dari sumber boleh diperbaharui boleh dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan;
 - Menyoal bagaimana mengukur peluang-peluang dalam industri hijau, karbon rendah, pembangunan perniagaan tempatan, pekerjaan, teknologi digital, penyelidikan dan pembangunan dalam memahami impak potensinya terhadap pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan;
 - Ingin mendapatkan perkembangan terkini tentang penubuhan *ASEAN Centre for Climate Change*;

- Ingin mengetahui pecahan dana-dana yang bakal digunakan sama ada hasil peruntukan bajet negara (BND\$2.1 Juta) dan (BND\$700 Ribu) setiap setahun dan sumbangan negara lain (500 Ribu NZD) untuk *ASEAN Centre for Climate Change*;
 - Menyoalkan mengenai langkah-langkah khusus yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menangani insiden-insiden terkini yang memberi kesan kepada reputasi Brunei;
 - Ingin mengetahui bagaimana langkah-langkah ini diselaraskan dalam strategi pengurusan reputasi yang lebih luas untuk mengurangkan persepsi negatif di peringkat domestik dan antarabangsa; dan
 - Mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri menerajui pembinaan *national reputation management policy and strategy*.
- vi. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Mencadangkan agar ditubuhkan satu unit keugamaan di seluruh jabatan-jabatan kerajaan dan melantik seorang pegawai ataupun guru agama bagi tujuan menghidupkan amalan membaca doa seharian.
- vii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
- Mencadangkan agar punca-punca penggunaan peruntukan *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) yang tidak habis, untuk dikaji dan bagi tindakan penambahbaikan diambil dengan segera;
 - Ingin mengetahui kesan dan manfaat *FDI* terbesar iaitu Hengyi Industries termasuk dari segi penyediaan pekerjaan kepada anak-anak tempatan serta jumlah dan sebab anak-anak tempatan yang telah berhenti bekerja dari syarikat berkenaan; dan
 - Ingin mengetahui jika terdapat pemikiran dari pihak Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil khidmat pemandu dari kalangan wanita, khusus untuk pegawai-pegawai kanan wanita kerajaan.

viii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;

- Memohon pencerahan mengenai status audit bersepadu untuk memastikan *progress* yang dilaporkan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, serta mengenai keperluan mengkerapkan jadual audit bagi setiap 5 tahun ke satu jangka yang bersesuaian agar intervensi awal dapat diambil, jika perlu;
- Menyoalkan mengenai kewujudan *independent audit* untuk membantu memastikan keselarasan untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035;
- Memohon pencerahan bagaimana Unit Wawasan Brunei 2035 dapat memberi jaminan bahawa integrasi inisiatif-inisiatif yang dibuat di agensi kerajaan mencapai keberkesanan maksimum dan membuat perubahan yang diperlukan;
- Memohon pencerahan intervensi yang perlu dibuat jika negara berhajat untuk mencapai tahap *ranking* kesepuluh dunia di dalam *Human Development Index* sebelum 2035;
- Memohon pencerahan mengenai penggunaan logo *patent Shell* bagi stesen minyak dalam negeri sedangkan ia merupakan produk keluaran Hengyi dan seterusnya berpendapat Negara Brunei Darussalam perlu menampilkan logo sendiri bagi menjual produk-produk Negara Brunei Darussalam;
- Memohon pencerahan jika ada pelan-pelan awal untuk pembangunan yang telah difikirkan Jabatan Perdana Menteri di atas bekas tapak-tapak perumahan Syarikat Minyak Shell dan juga bekas tapak *oil refinery* yang difahami mempunyai *high economic value estate*;
- Mengharapkan kawasan bekas tapak-tapak perumahan Syarikat Minyak Shell dan juga bekas tapak *oil refinery* akan digantikan dengan pembinaan *value adding infrastructure* seperti *high end office complex* untuk disewakan kepada

kontraktor-kontraktor industri tenaga yang boleh menjana ekonomi;

- Memohon pencerahan mengenai KPI *Manpower Planning and Economic Council* (MPEC) iaitu 12,635 diambil kerja setahun, adakah ini *incremental* 12,600 bagi setiap tahun dan adakah ada had umur untuk mengikuti *capacity building* dalam MPEC; dan
- Menyeru perbelanjaan peruntukan 24 juta perlu diumumkan sebagai sumbangan berupa subsidi kerajaan kepada pihak swasta untuk membayar elaun 18 bulan pertama pekerja dalam program *i-Ready* agar syarikat dan industri yang menerima pekerja-pekerja program *i-Ready* tahu mereka menerima subsidi kerajaan dan sepatutnya perlu membayar gaji pekerja di bawah program *i-Ready*.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SABTU, 16HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]
